Maka apabila kamu melihat orang-orang yang mengikuti apa yang mutasyabihat daripadanya, maka mereka itulah golongan yang Allah maksudkan, maka berwaspadalah terhadap mereka

Daripada Aisyah RA, beliau berkata: Rasulullah ﷺ membacakan ayat ini: “Dialah yang menurunkan Kitab (al-Quran) kepadamu, di antaranya ada ayat-ayat yang muhkamat, itulah pokok-pokok isi al-Kitab dan yang lain (adalah) mutasyabihat. Adapun orang-orang yang dalam hatinya ada kecenderungan kepada kesesatan, maka mereka mengikuti apa yang mutasyabihat daripadanya kerana hendak menimbulkan fitnah dan mencari-cari takwilnya. Padahal tidak ada yang mengetahui takwilnya melainkan Allah. Dan orang-orang yang mendalam ilmunya berkata: “Kami beriman kepadanya, semuanya dari sisi Tuhan kami.” Dan tidak ada yang dapat mengambil pengajaran melainkan orang-orang yang berakal.” [Ali 'Imran: 7]. Dia berkata: Rasulullah ﷺ bersabda: “Maka apabila kamu melihat orang-orang yang mengikuti apa yang mutasyabihat daripadanya, maka mereka itulah golongan yang Allah maksudkan, maka berwaspadalah terhadap mereka.”

[صحيح] [متفق عليه]

Rasulullah ﷺ membaca ayat ini: “Dialah yang menurunkan kepadamu (wahai Muhammad) Kitab (al-Quran), sebahagian daripadanya ialah ayat-ayat yang muhkamat (jelas dan nyata maknanya), yang menjadi ibu (pokok) kepada isi al-Quran, dan sebahagian yang lain ialah ayat-ayat yang mutasyabihat (samar-samar atau mengandungi beberapa makna). Adapun orang-orang yang di dalam hati mereka ada kecenderungan menyeleweng daripada kebenaran, maka mereka mengikuti apa yang mutasyabihat daripadanya untuk menimbulkan fitnah dan untuk mencari-cari takwilnya (yang salah). Padahal tidak ada yang mengetahui takwilnya melainkan Allah. Dan orang-orang yang mendalam ilmunya berkata: “Kami beriman kepadanya (al-Quran), semuanya datang daripada Tuhan kami.” Dan tidak ada yang dapat mengambil pengajaran (daripadanya) melainkan orang-orang yang berakal.” Di dalam ayat ini, Allah SWT memberitahu bahawa Dialah yang menurunkan al-Quran kepada Nabi-Nya. Sebahagian daripada al-Quran ialah ayat-ayat yang jelas petunjuknya, diketahui hukum-hukumnya tanpa sebarang kekeliruan; ia merupakan asas dan rujukan bagi al-Quran, serta menjadi rujukan ketika berlaku perselisihan. Sebahagian yang lain pula ialah ayat-ayat yang mengandungi lebih daripada satu makna, yang maknanya menjadi kabur bagi sesetengah orang, atau mereka menyangka wujud percanggahan antara ayat-ayat tersebut dengan ayat yang lain. Kemudian Allah menjelaskan cara manusia berinteraksi dengan ayat-ayat ini. Orang yang dalam hatinya ada kecenderungan menyeleweng daripada kebenaran akan meninggalkan ayat-ayat yang muhkam (jelas), dan berpegang pada ayat-ayat yang mutasyabih (yang mengandungi pelbagai kemungkinan makna). Mereka berbuat demikian

untuk mencetuskan syubhah dan menyesatkan manusia, dan untuk menakwilkannya mengikut hawa nafsu mereka. Adapun orang yang mantap ilmunya, mereka mengetahui (hakikat) ayat-ayat mutasyabih ini, lalu merujukkannya kepada ayat-ayat yang muhkam. Mereka beriman kepadanya dan (yakin) bahawa semuanya datang daripada Allah SWT, serta tidak mungkin berlaku sebarang kekeliruan atau percanggahan. Namun, tiada yang dapat mengambil peringatan dan pengajaran daripadanya melainkan orang yang memiliki akal yang waras. Kemudian Nabi bersabda kepada Ummul Mukminin Aisyah RA, bahawa jika beliau melihat orang-orang yang mengikuti ayat-ayat mutasyabih, maka merekalah golongan yang dimaksudkan oleh Allah dalam firman-Nya: "Adapun orang-orang yang di dalam hati mereka ada kecenderungan menyeleweng daripada kebenaran." Baginda menambah: "Maka berhati-hatilah dengan mereka dan janganlah kamu mendengar mereka."

http://sunnah.global/hadeeth/ms/show/65062